

KEISTIMEWAAN KITAB *ARA' AHL AL-MADINAH AL-FADILAH* KARYA AL-FARABI SEBAGAI WARISAN PERADABAN MASYARAKAT MADANI

THE SIGNIFICANCE OF THE BOOK OF ARA' AHL AL-MADINAH AL-FADILAH BY AL-FARABI AS A LEGACY OF MADANI SOCIETY

Noraini Junoh ^{1*}
Mohd Nazri Mat Zin ²
Zanirah Mustafa@Busu ³

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, Kampus Machang, Bukit Ilmu 18500 Machang, Kelantan (E-mail: norainijunoh@uitm.edu.my)

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, Kampus Machang, Bukit Ilmu 18500 Machang, Kelantan (E-mail: nazri743@uitm.edu.my)

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, Kampus Machang, Bukit Ilmu 18500 Machang, Kelantan (E-mail: zanir126@uitm.edu.my)

*Corresponding author: norainijunoh@uitm.edu.my

Article history

Received date : 16-4-2025
Revised date : 17-4-2025
Accepted date : 31-5-2025
Published date : 15-6-2025

To cite this document:

Junoh, N., Mat Zin, M. N., & Mustafa@Busu, Z. (2025). Keistimewaan Kitab Ara' Ahl al-Madinah al-Fadilah Karya al-Farabi sebagai warisan peradaban Masyarakat Madani. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (73), 11-22.

Abstrak: Karya turath, seperti yang dihasilkan oleh pemikir seperti al-Farabi, Ibn Sina, atau Imam al-Ghazali, sering kali memaparkan idea-idea yang berkaitan dengan realiti sosial dan politik pada zamannya. Namun, kandungannya perlu difahami dengan tepat supaya tetap relevan dalam konteks masa kini terutama masyarakat madani pada hari ini. Kekurangan pemahaman konteks ini juga boleh menyebabkan kesalahan dalam memahami ajaran-ajaran yang disampaikan. Kajian ini bertujuan mengupas keistimewaan kitab Kitab Ara' Ahl al-Madinah al-Fadilah karya al-Farabi dan kepentingannya dalam konteks masyarakat madani. Metodologi pengumpulan dan analisis data kajian kualitatif ini berdasarkan kaedah kepustakaan dan analisis kandungan teks kitab Ahl al-Madinah. Ia merupakan salah satu karya klasik yang memiliki nilai luar biasa sebagai warisan intelektual dan peradaban masyarakat madani. Karya ini mengemukakan pandangan falsafah mengenai masyarakat ideal yang berlandaskan keadilan, kebijaksanaan, dan kebahagiaan. Hasilnya keistimewaan kitab ini terletak pada integrasi harmonis antara etika, politik, dan teologi dalam mewujudkan aturan sosial yang beradab. Sebagai warisan intelektual, kitab ini tetap relevan dalam perbincangan kontemporari tentang konsep masyarakat madani, pemerintahan yang adil, serta hubungan antara agama dan politik. Pemikiran al-Farabi ini memberikan inspirasi bagi pembangunan peradaban yang berasaskan moral, ilmu, dan keadilan, menjadikannya salah satu landasan penting dalam

tradisi keilmuan Islam dan perkembangan pemikiran politik di dunia Islam dan Barat.

Kata Kunci: *Ahl al-Madinah, al-Farabi, Peradaban, Madani*

Abstract: *Turath works such as those produced by the great minds like al-Farabi, Ibn Sina, or Imam al-Ghazali, often present ideas that reflect the social and political realities of their time. However, their content must be accurately understood to remain relevant in today's context, especially within contemporary civil society. A lack of contextual understanding can lead to misinterpretations of the teachings conveyed. This study aims to explore the unique characteristics of al-Farabi's Kitab Ara' Ahl al-Madinah al-Fadilah and its significance in the context of madani or civil society. The study employed a qualitative research method using a content analysis framework for data collection and analysis. The analysis of the document revealed that Kitab Ahl al-Madinah is a truly highly valuable classical work, which contributes significantly to the intellectual and civilizational legacy of civil society. This work presents a philosophical vision of an ideal society founded on justice, wisdom, and happiness. Its uniqueness lies in how al-Farabi harmoniously integrates ethics, politics, and theology as the foundation for creating a civilized social order. True to its prominent intellectual value, this book remains relevant in contemporary discussions on the concept of civil society, just governance, and the relationship between religion and politics. Al-Farabi's ideas serve as a major source of inspiration for building a civilization grounded in morality, knowledge, and justice, in which his works influence both Islamic and Western intellectual tradition political thought.*

Keywords: *Ahl al-Madinah, al-Farabi, Civilization, Madani*

Pengenalan

Mengkaji karya-karya turath amat penting bagi umat Islam. Karya turath memberi sumbangan keilmuan meliputi pelbagai bidang ilmu dan pemikiran seperti akhlak, ketamadunan dan falsafah. Menurut Khalif (2012), turath Islam (*al-Turath al-Islami*) merupakan himpunan karya-karya ulama silam yang memaparkan buah fikiran mengenai sumber utama Islam, iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Karya turath menggambarkan pemikiran keagamaan dalam konteks tradisional atau klasik dan ada sebahagian tulisan masih berbentuk manuskrip. Dalam Islam, turath yang paling utama adalah al-Quran dan al-Sunnah.

ثُمَّ أَوْرَثْنَا الْكِتَابَ الَّذِينَ اصْطَفَيْنَا مِنْ عِبَادِنَا

“Kemudian Kami jadikan Al-Quran itu diwarisi oleh orang-orang yang Kami pilih dari kalangan hamba-hamba Kami;” (Surah Fatir: 32)

إِنَّ الْأَنْبِيَاءَ لَمْ يَوْرَثُوا دِينَارًا وَلَا دِرْهَمًا، وَإِنَّمَا وَرَثُوا الْعِلْمَ، فَمَنْ أَخَذَهُ أَخَذَ بِحِظِّ وَافِرٍ

“Dan sesungguhnya para Nabi SAW tidak mewariskan dinar ataupun dirham (kekayaan), sebaliknya mereka mewariskan ilmu. Maka barangsiapa yang mengambilnya (ilmu) maka dia telah mengambil keuntungan yang banyak.” (Riwayat Abu Dawud)

Para *al-salaf al-salih* dan ulama muktabar penyumbang besar kepada penghasilan turath yang menjadi warisan umat Islam hingga kini. Gedung keilmuan ini berperanan penting dalam memberi panduan kepada umat Islam memahami dan melaksanakan ajaran Islam dengan sebaiknya. Ilmu yang diwarisi daripada ilmuwan yang muktabar melengkapkan diri umat Islam menghadapi kehidupan masa kini yang kian mencabar (Syed Salim, 2018; Harapandi, 2016; Khalif, 2012). Hal ini kerana pengajian ilmu-ilmu Islam menjadikan kitab turath sebagai sumber utama dan segala catatan ilmu diperoleh daripada pengajian talaqqi dengan para ulama pelbagai bidang ilmu (Syed Salim, 2018).

Latar Belakang Masalah Kajian

Serangan ideologi moden Barat menjadi ancaman besar kepada umat Islam pada hari ini. Ideologi ini berusaha menghapuskan nilai-nilai Islam dalam kehidupan umat Islam. Dalam tidak sedar, umat Islam semakin jauh dengan ajaran Islam apabila terlalu meraikan kemodenan yang dibawa oleh Barat bagi mencapai kemajuan dan kejayaan dalam hidup (Muhammad Nasron, 2020). Walhal umat Islam tidak memerlukan kepada panduan Barat untuk moden kerana turath Islam telah menjadi rujukan Barat ketika mereka berusaha untuk keluar daripada zaman kegelapan yang pada masa tersebut merupakan zaman kegemilangan bagi umat Islam. Nurzatil et al. (2024) menyatakan bawa terdapat para pengkaji kitab turath telah menegaskan ilmu dan panduan yang terdapat dalam kitab-kitab ini berupaya memberi jalan penyelesaian kepada kehidupan manusia yang kian mencabar pada hari ini.

Namun demikian, umat Islam memandang rendah kekredibiliti kitab turath yang berupaya memberi panduan terbaik kepada permasalahan hidup. Contohnya golongan moden yang mengagungkan peradaban Barat melihat turath sebagai sejarah yang lapuk menyebabkan kejumudan dan kelesuan pemikiran umat Islam. Terdapat juga golongan literalis/konservatif berkecenderungan kepada tekstualistik dengan hanya memberi penekanan kepada fiqh/hukum-hakam dan menolak tasawuf dan metafizik. Anggapan ini mengakibatkan karya-karya besar Islam terpinggir dan hilang nilai keilmuannya (Khalif, 2012).

Kitab turah adalah rantaian ilmu Islam yang bersambung dengan wahyu yang dibawakan oleh Rasulullah SAW. Jika keautoritian ilmu turath ini ditinggalkan maka nilai-nilai dan ajaran Islam tidak dapat disampaikan dengan sempurna sehingga membuka ruang-ruang kemusnahan dan kekeliruan dalam masyarakat (Khalif, 2012). Umum mengetahui bahawa Nabi Muhammad SAW membangunkan sebuah tamadun unggul dengan mengangkat nilai akhlak melalui wahyu yang disampaikan. Namun begitu, dunia globalisasi hari ini telah memberi kesan kepada amalan, tingkah laku dan budi pekerti seseorang sehingga pudarnya nilai-nilai kemanusiaan. Nilai-nilai hedonistik dan materialistik yang menjadi tujuan hidup telah merosakkan intelektual dan spiritual khususnya menyebabkan runtuhnya tamadun manusiawi (Suliah, Fathiah & Shamsiah, 2023).

Nilai-nilai akhlak dan keharmonian yang menjadi teras kepada pembentukan negara bangsa perlu diberi suntikan baru untuk memperkembangkan peradaban Malaysia berdasarkan kerangka masyarakat madani. Kita turath seperti *Ahl al-Madinah* karya al-Farabi adalah kitab yang tepat untuk difahami oleh masyarakat madani. Penerimaan masyarakat terhadap kitab turath perlu diperbetulkan kerana sesetengahnya menganggap ia tidak ada nilai dan penyampaian yang tidak menarik sesuai dengan konteks masyarakat moden (Harapandi, 2020).

Sebagai warisan peradaban masyarakat madani, *Ahl al-Madinah* mempengaruhi banyak pemikir Islam kemudian hari seperti Ibn Sina dan Ibn Rushd, serta menjadi rujukan penting dalam perbincangan mengenai keadilan, etika kepemimpinan, dan pembangunan masyarakat yang harmoni (Sa'adi et al., 2024). Justeru, penulisan ini bertujuan mengkaji keistimewaan kitab *Kitab Ahl al-Madinah* karya al-Farabi dan kepentingannya dalam konteks masyarakat madani. Kajian terhadap kitab ini memberikan kefahaman yang mendalam mengenai hubungan antara falsafah dan agama dalam pembentukan tamadun, serta relevansinya dalam menangani isu-isu politik dan sosial di dunia moden.

Sorotan Literatur

Sorotan literatur memfokuskan kepada tiga bahagian utama, iaitu latar belakang al-Farabi, latarbentang karya *Ara' Ahl Al-Madinah Al-Fadilah* dan pembentukan masyarakat madani.

Biografi al-Farabi

Al-Farabi adalah seorang tokoh besar dalam falsafah pada abad ke-9 M. Beliau dianggap sebagai penerus tradisi pemikiran yang dimulakan oleh al-Kindi (Fakhry, 1993). Sepanjang hidupnya, Al-Farabi sangat aktif dalam dunia falsafah (al-Fakhuri dan al-Jar, 1963). Oleh itu, Ibn Khallikan (1968) menilai al-Farabi sebagai tokoh falsafah Islam yang paling luar biasa, di mana tiada individu lain yang dapat mencapai kedudukannya.

Nama sebenar Al-Farabi adalah Abu Nasr Muhammad bin Mahammad bin Tarkhan al-Farabi (al-Qifti, 1963; Ibn al-Nadim, 1929). Beberapa sumber lain menyebutkan nama lengkapnya sebagai Abu Nasr, Muhammad bin Muhammad bin Tarkhan bin Awzalagh (Uzluh) al-Farabi (Jackson, 2006; Nasution, 1999; Fakhry, 2001). Ibn Sa'id al-Qurtubi (1912) dalam *Tabaqat al-Umam* menyatakan bahawa nama Al-Farabi sebenarnya adalah Abu Nasr, Muhammad bin Mahammad Ibn Nasr. Berdasarkan keterangan ini, 'Ali 'Abd al-Wahid Wafi (1973) berpendapat bahawa nama sebenar beliau adalah Muhammad, dan beliau lebih dikenali dengan gelaran Abu Nasr. Nama Al-Farabi pula merujuk kepada tempat kelahirannya, Farab, yang kini dikenali sebagai Otrar (Jackson, 2006; Ibn Khallikan, 1968). Al-Farabi dilahirkan sekitar tahun 259H/870M di Wasij, yang terletak di wilayah Farab, Transoxiana, Turki (Ibn Khallikan, 1968). Beliau meninggal dunia di Damsyik pada tahun 339H/950-951M dalam usia hampir 80 tahun akibat penyakit usia lanjut (Ibn Khallikan, 1968).

Al-Farabi merupakan seorang pemikir yang sangat produktif, menghasilkan sejumlah besar karya yang mencakup komentar terhadap teks-teks Yunani serta tulisan-tulisan berdasarkan pemahaman dan pengamatannya sendiri (Ibn Khallikan, 1968). Menurut penelitian oleh 'Abbas Mahmud (1944), karya ilmiah Al-Farabi boleh dibahagikan kepada enam bidang utama, iaitu logika (39 karya), pendidikan (al-ta'lim) (47 karya), ilmu alam, kimia dan perubatan (52 karya), teologi (52 karya), ilmu kemasyarakatan (termasuk etika dan politik) (55 karya), serta pelbagai topik lain (umum) (58 karya).

Sebelum menyumbang kepada bidang falsafah, Al-Farabi telah menulis banyak karya dalam bidang politik (siyasah) yang masih terus dijadikan bahan kajian hingga kini. Dalam tradisi pemikirannya, beliau menggabungkan konsep akhlak dalam perbincangan mengenai politik (Rosenthal, 1968; Najjar, 1958; Hammond, 1947). Falsafah politik bagi Al-Farabi bukanlah entiti yang berdiri sendiri, sebaliknya ia berkait rapat dengan isu-isu akhlak (etika), serta

metafizik dan psikologi. Oleh itu, Al-Farabi berusaha menyatukan kajian tentang politik dengan etika. Hampir semua karya beliau yang berkaitan dengan politik juga membincangkan soal akhlak (Fakhry, 1993). Pemikiran Al-Farabi tentang hubungan antara metafizik dan politik menekankan hubungan manusia dengan Tuhan, alam, dan sesama manusia, yang sejalan dengan ajaran Islam. Dalam kerangka ini, ilmu politik dan etika dianggap sebagai lanjutan daripada metafizik atau manifestasi tertinggi daripadanya, iaitu teologi (ilmu ketuhanan) (Fakhry, 1993).

Oleh itu, karya Ahl al-Madinah dimulakan dengan perbincangan mengenai Wujud Pertama atau Yang Maha Esa, bukannya membahaskan teori keadilan dan hubungan antara manusia dengan negara, walaupun fokus utama buku tersebut adalah teori kenegaraan. Semua yang wujud di alam ini mempunyai sebab dan akibat yang akhirnya menuju kepada Wujud Pertama atau Wajib al-Wujud (al-Farabi, 1906). Para sarjana mengakui bahawa dua karya besar Al-Farabi, Ahl al-Madinah dan al-Siyasah al-Madaniyyah, merupakan sumbangan penting dalam bidang siyasah, etika, metafizik, dan psikologi (Watt, 2003). Kedua-dua karya ini memberikan idea-idea berharga dalam dunia politik. Ibrahim Madkur (1963) berpendapat bahawa Ahl al-Madinah meletakkan Al-Farabi di kalangan pemikir terkemuka yang memiliki konsep-konsep terstruktur mengenai siyasah, sehingga para sarjana moden menggelarnya sebagai Sahib al-Madinah al-Fadilah.

Latar Belakang Kitab *Ara' Ahl Al-Madinah Al-Fadilah*

Kitab *Ahl al-Madinah* adalah karya al-Farabi yang terakhir dan paling matang. Kitab ini banyak dibaca dan terus diteliti dari abad kesepuluh hingga ke-18 Masihi dan hingga kini. Kitab ini ditulis ketika suasana politik yang tegang dan al-Farabi banyak mengkritik pemerintahan pada masa tersebut. Melalui karya ini, al-Farabi bercita-cita mewujudkan masyarakat ideal sebagaimana yang dibahaskan oleh Plato dalam *Republic*. Al-Farabi ingin mewujudkan sebuah kota sesuai dengan prinsip-prinsip utama yang mendasari pemikirannya mengenai kebahagiaan, akhlak, alam dan penciptanya dan metafizik (Walzer, 1985).

Kitab ini merangkumkan seluruh falsafah dan ringkasan pemikiran Al-Farabi mengenai kehidupan dan alam. Berdasarkan sejarah kehidupannya, Al-Farabi bukan hanya fokus pada ilmu logik, tetapi beliau juga sangat tegas dalam mempertahankan kewujudan dan keesaan Allah SWT. Kajian terhadap sejarah hidupnya sebagai seorang ahli falsafah menunjukkan bahawa beliau sangat kukuh dalam mempertahankan akidah tauhid kepada Allah SWT. Hal ini jelas terlihat dalam penyusunan kitab Ahl al-Madinah, yang dimulai dengan perbincangan mengenai konsep tauhid, yang diterangkan dalam hampir lapan puluh halaman sebelum beliau beralih membincangkan konsep politik dan kenegaraan.

Kitab *Ahl al-Madinah* mempunyai dua bahagian utama, iaitu bahagian falsafah-metafizik dan bahagian sosial-politik. Bahagian falsafah-metafizik mengandungi 9 bahagian yang mengupas tentang kewujudan, keesaan dan sifat-sifatNya, 16 bahagian mengenai penjelasan kewujudan alam, benda, manusia, jiwa dan perkara-perkara samiyyat. Manakala bahagian sosial-politik mengandungi 12 pasal yang berkaitan dengan pembangunan kota, kepimpinan, pengurusan masyarakat dan kebahagiaan ahlinya (Wafi, t.t.).

Menariknya, Al-Farabi membincangkan konsep nubuwwah dalam konteks perbincangan mengenai "Ketua Negara", yang berbeza daripada tokoh lain yang mengupasnya dalam bab

akidah. Hal ini kerana Al-Farabi lebih menekankan kesempurnaan para Nabi dari segi pemikiran. Kehebatan pemikiran mereka disokong sepenuhnya oleh Malaikat Jibril AS, kerana para Nabi membawa dan menyampaikan wahyu dari Allah SWT kepada umat manusia, seperti yang disebut dalam firmanNya:

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ ۖ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ

"Dan ia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (sama ada Al-Quran atau Hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya." (al-Najm, 53: 3-4)

Pandangan Al-Farabi berkaitan kenabian telah mencetuskan kekeliruan dan kontroversi di kalangan sebahagian ulama, seperti Ibn Taymiyyah (2004) dan lain-lain, yang tidak bersetuju dengan aliran falsafah tersebut. Sebagai contoh, Rajih al-Kurdi (2013) menegaskan bahawa pandangan para ahli falsafah, terutama Al-Farabi, menyimpang daripada pendekatan yang terdapat dalam Al-Quran dan Al-Sunnah. Beliau menyatakan bahawa pelantikan, kekuatan, dan kebolehan para Nabi bukanlah sesuatu yang mudah dicapai melalui usaha manusia biasa yang boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja.

Dalam karya Ahl al-Madinah, konsep nubuwwah tidak dibincangkan secara mendalam, namun ia dianggap sebagai elemen cabang dalam teori politik Islam. Walau bagaimanapun, setelah dikaji lebih lanjut, dapat dilihat bahawa perbincangan mengenai konsep nubuwwah ini sebenarnya memainkan peranan penting dalam kejayaan politik Islam dalam membina masyarakat madani. Ini kerana, dalam konsep nubuwwah, terdapat ciri-ciri kepimpinan yang ditunjukkan oleh para Rasul yang terbukti berjaya dalam sejarah.

Beberapa istilah yang sering digunakan dalam teks Ahl al-Madinah termasuk 'kota', yang merujuk kepada negara, 'ketua negara', yang merujuk kepada pemimpin, dan 'anggota-anggota kota', yang menggambarkan pegawai serta kakitangan kerajaan. Dalam konteks ini, apabila membicarakan tentang kesempurnaan kepimpinan, para Nabi dianggap sebagai contoh kepimpinan yang sempurna dan insan kamil. Inilah asas kepada pembangunan masyarakat madani yang perlu diteruskan oleh umat Islam masa kini.

Pembentukan Masyarakat Madani

Masyarakat madani merupakan sebuah komuniti yang beradab, beretika, dan mempunyai struktur kehidupan yang tersusun. Perbincangan mengenai konsep madani sering dikaitkan dengan usaha untuk membangunkan negara Islam dengan fokus utama kepada kemajuan peradaban masyarakat. Sejarah Islam mencatatkan kejayaan pembentukan negara Madinah yang diasaskan oleh Rasulullah SAW dalam mewujudkan sebuah masyarakat yang berperadaban tinggi. Antara ciri-ciri masyarakat madani yang diterapkan oleh Rasulullah SAW termasuklah penghargaan tanpa mengira latar belakang individu, amalan keterbukaan, penegakan hukum, keadilan dan toleransi (Nurzatil, 2023).

Perkataan madani merupakan bukan sesuatu yang baru, kerana ia pertama kali diperkenalkan oleh Al-Farabi untuk menunjukkan keadaan masyarakat bandar yang tinggi nilai budi pekerti dan adabnya (Suliah, Fathiah & Shamsiah, 2023). Dalam karya-karya politik Al-Farabi, istilah madani dan madaniyyah sering digunakan. Konsep madani yang dikemukakan oleh

Al-Farabi merujuk kepada ilmu ketamadunan atau peradaban yang meliputi asas-asas ilmu kemanusiaan, kemasyarakatan, dan kenegaraan. Ia bersifat sejagat, merangkumi setiap aspek pembangunan tamadun, bukan sahaja dalam perincian, tetapi juga dalam prinsip-prinsip dasar. Ilmu madani sebagai paksi yang cukup penting dalam pembentukan masyarakat madani, memberikan panduan mengenai kebahagiaan, kebaikan, dan kesejahteraan, terutamanya dalam masyarakat yang pelbagai bangsa, budaya, dan agama (Osman, 1997).

Gagasan Malaysia Madani diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-10 sebagai inisiatif untuk mewujudkan negara yang lebih mampan, makmur, dan adil. Malaysia Madani terdiri daripada enam tonggak utama, iaitu M (kemampanan), A (kesejahteraan), D (Daya cipta), A (hormat), N (keyakinan), dan I (Ihsan). Matlamat utama gagasan ini bagi mencapai kecemerlangan dan peradaban masyarakat Malaysia dari segi fizikal dan spiritual. Dengan pendekatan politik yang berteraskan Islam dan mengambil kira demografi Malaysia, gagasan ini diyakini dapat mencapai kesejahteraan dan keharmonian rakyat yang berbilang bangsa berdasarkan acuan Malaysia (Suliah, Fathiah & Shamsiah, 2023).

Konsep Madani mengutamakan pengurusan masyarakat yang baik bagi mencapai matlamat pembinaan peradaban bangsa. Pelaksanaannya bermatlamat untuk melahirkan masyarakat yang dapat memainkan peranan dengan baik, mencapai kesejahteraan dan kebahagiaan. Pembangunan ini tidak hanya kelihatan dalam projek fizikal yang jelas, tetapi juga melalui pemakmuran dunia oleh setiap individu sebagai khalifah di muka bumi (Shuhairimi, 2023). Oleh itu, untuk memastikan kelestarian kerangka madani, ia perlu berlandaskan nilai agama yang mementingkan pendidikan, ilmu, dan akhlak. Menurut Osman Bakar (1997), agama perlu dijadikan asas kepada masyarakat madani kerana tanpa bimbingan agama, manusia tidak dapat melaksanakan peranan sebagai hamba dan khalifah. Keperibadian manusia madani, kepercayaan dan pemikirannya, serta akhlak dan budi pekertinya hanya dapat dididik melalui ajaran agama.

Bagi melahirkan masyarakat madani, pendidikan akhlak adalah penting bagi membentuk individu yang bertakwa dan berakhlak mulia. Akhlak Islam mempunyai beberapa ciri penting, iaitu rabbaniyyah, insaniyyah, syumul, dan wasatiyyah. Kepentingan akhlak mulia dapat dilihat jelas dalam kaitannya dengan akidah Islam dan matlamatnya sebagai misi utama perutusan Rasulullah SAW (Nurzatil, 2023). Pendidikan memainkan peranan yang sangat besar kerana ia adalah proses pengembangan potensi dan penyemaian nilai dalam pemikiran seseorang. Di Malaysia, Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) adalah asas kepada sistem pendidikan negara yang bertujuan untuk membangunkan insan holistik dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani (Suliah, Fathiah & Shamsiah, 2023). Dengan itu, pembentukan masyarakat madani merupakan pendekatan yang wajar untuk memulihkan masyarakat masa kini yang semakin terpinggir daripada nilai agama dan akhlak. Ajaran wahyu yang disampaikan oleh Rasulullah SAW perlu diterima dan diamalkan oleh semua lapisan masyarakat untuk membina masyarakat madani yang sebenar.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan memfokuskan pengumpulan data secara perpustakaan dan pendekatan analisis kandungan teks. Kaedah kajian ini bersesuaian untuk menganalisis isi kandungan dan metodologi yang digunakan dalam penulisan kitab *Ahl al-Madinah*. Kaedah kualitatif berbentuk analisis teks dan kandungan digunakan bertujuan

menjelaskan secara terperinci keistimewaan konsep madani yang terkandung dalam kitab *Ahl al-Madinah*.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Hasil kajian ini menyetuh isi kandungan kitab dan metodologi keistimewaan kitab.

Isi Kandungan Kitab

Kandungan utama kitab *Ahl al-Madinah* adalah perbincangan tentang pembangunan sebuah kota dan masyarakat terbaik. Elemen yang diketengahkan dalam pembinaan kota terbaik adalah penyatuan setiap lapisan masyarakat dalam aspek pembangunan negara bahagia dan maju. Justeru, perbincangan kitab *Ahl al-Madinah* dimulai dengan ilmu sosiologi yang menyentuh pembangunan negara kota (al-Farabi, 1906). Dalam perbincangan ilmu sosiologi ini, tajuk *al-Qawl fi al-'Adw al-Ra'is* dan *al-Qawl fi Khisal Ra'is al-Madinah al-Fadilah* memberi kefahaman yang menyeluruh mengenai ciri-ciri ketua negara atau kota dan ia menghubungkan dengan perbincangan *nubuwwah*.

Al-Farabi menggunakan gaya bahasa yang mudah terutama penjelasan melalui perbandingan, antaranya mengumpamakan pemimpin dengan hati yang menjadi penggerak kepada anggota lain. Hati juga membentuk tindakan dan keupayaan seseorang dalam segenap aspek. Maka, pemimpin adalah watak utama yang berupaya membentuk masyarakat yang bahagia (al-Farabi, 1906). Dalam perbincangan ini, al-Farabi meletakkan para Nabi sebagai pemimpin yang paling sempurna khususnya Nabi Muhammad SAW. Hal ini kerana para Nabi memiliki sifat maksum dan sentiasa dipelihara oleh Allah SWT daripada perkara-perkara keji dan maksiat.

Justeru, kitab *Ahl al-Madinah* memberi panduan untuk membina sebuah negara yang baik dan bahagia. Menurut al-Farabi (1906), negara yang baik memerlukan kepada ketua negara yang terbaik, iaitu para Nabi. Beliau turut menyenaraikan 12 sifat para nabi yang meliputi pelbagai aspek, antaranya kekuatan fikir, kesempurnaan fizik dan kecekalan jiwa. Sifat-sifat ini melayakkan para Nabi menjadi pemimpin unggul yang dapat membentuk masyarakat terbaik dan bahagia.

Metodologi dan Keistimewaan Kitab

Menurut al-Alusi (1980) dan Osman Bakar (1992), *Ahl al-Madinah* diklasifikasikan dalam dua disiplin ilmu utama, iaitu sains dan adab pemerintahan (*'ilm al-madani*). Beberapa karya lain yang termasuk dalam kategori ini adalah *al-Siyasah al-Madaniyyah*, *Kitab al-Millah al-Fadilah*, *Fusus al-Madani*, *Talkhis Nawamis Aflatun*, *Risalah fi al-Siyasah*, dan *Kitab Tahsil al-Sa'adah*. Kitab-kitab genre politik ini ditulis pada akhir hidupnya, setelah tumpuan awal berkecimpung dalam bidang logik dan falsafah. Dengan sebab itu, aspek akhlak dan moral manusia menjadi elemen utama perbincangan politik al-Farabi. Penonjolan ilmu kefalsafahan dalam gagasan politik beliau mengangkatnya sebagai pelopor kepada ilmu kebahagiaan politik. Fokus utama penubuhan negara kota al-Farabi bukan sahaja bermatlamatkan kebahagiaan dunia tetapi keutamaan adalah kebahagiaan akhirat. Oleh itu, al-Farabi mengambil Madinah sebagai model negara utama yang diperintahkan secara sempurna oleh Nabi Muhammad SAW.

Jika diteliti, penulisan karya *Ahl al-Madinah* diselitkan dengan gabungan idea-idea Plato dan Aristotle, namun dilihat kepada gagasan yang menyeluruh terdapat penjelasan-penjelasan yang selari dengan al-Quran dan al-Sunnah. Walaupun para orientalis seperti Rosenthal (1968) dan Walzer (1962) mengatakan pemikiran politik al-Farabi adalah hasil peniruan daripada karya-karya Plato, namun 'Uthman Amin (1945) dan al-Bahi (1967) yakin bahawa pemikiran al-Farabi mempunyai asasnya tersendiri. Hal ini dapat dilihat tradisi keilmuan Islam yang telah dipelajarinya sejak kecil lagi. Konsep negara terbaik yang diutarakan oleh al-Farabi dilihat mempunyai pengaruh daripada falsafah etika politik Yunani kerana kajian beliau yang menyeluruh kepada semua sumber dan telah diharmonikan dengan ajaran Islam. Osman Bakar (1992) turut menegaskan bahawa teori politik al-Farabi diilham daripada sejarah kenabian yang memimpin tamadun manusia dan falsafah kebahagiaannya menjadi puncak kepada ilmu politik tersebut.

Meskipun *Ahl al-Madinah* dianggap sebagai karya yang membahas politik dan pemerintahan, pada permulaan buku ini, Al-Farabi turut membincangkan isu kewujudan Tuhan serta konsep-konsep akidah dan metafizik. Selain itu, beliau juga menyentuh tentang alam, manusia, dan moral, yang menunjukkan hubungan erat antara pelbagai cabang ilmu, dengan ilmu ketuhanan sebagai fokus utama dalam pengkategorian ilmu oleh Al-Farabi. Dalam karya *Ihsa' al-'Ulum*, Al-Farabi (1996) mengklasifikasikan berbagai cabang ilmu secara terperinci, dengan menggabungkan ajaran agama serta pemikiran falsafah dari Plato, Aristotle, dan Neo-Platonisme (Shuib, 1996). Ilmu-ilmu seperti bahasa, mantik, matematik, fizik, politik, hukum, dan ketuhanan digabungkan dalam dua cabang ilmu utama iaitu fiqh dan kalam, yang pada masa itu sangat berpengaruh. Klasifikasi ilmu Al-Farabi ini berbeza dengan sarjana lain kerana beliau mengharmonikan ilmu-ilmu teori dan praktikal menurut metodologi Islam. Oleh itu, perbincangan politik dalam karyanya tidak diasingkan daripada bidang ilmu yang lain.

Al-Farabi menulis *Ahl al-Madinah* menggunakan logik akal dan pendekatan falsafah yang berpandukan penyelidikan ilmiah dalam bidang sains. Walau bagaimanapun, beliau tetap merujuk kepada wahyu, khususnya al-Quran dan al-Sunnah, dalam perbincangan mengenai kenabian. Al-Farabi mengakui bahawa Nabi dan Rasul adalah penerima wahyu Ilahi yang menyampaikan pesan dari Tuhan, serta meyakini bahawa malaikat Jibril AS adalah pembawa wahyu tersebut. Ini menunjukkan bahawa pembahasan mengenai kenabian dalam karyanya berpegang teguh pada ajaran Islam. Al-Farabi juga menyatakan bahawa agama dan falsafah saling melengkapi dalam mencari kebenaran. Osman Bakar (1991) menegaskan bahawa falsafah Al-Farabi berlandaskan prinsip-prinsip al-Quran dan al-Sunnah, walaupun tidak disebut secara langsung untuk menghindari penolakan oleh golongan yang menentang konsep kenabian dan ajaran agama.

Secara keseluruhannya, perbincangan mendalam Al-Farabi berkaitan politik menjadikan *Ahl al-Madinah* sebuah karya yang komprehensif, menyediakan panduan berkaitan kehidupan politik dan sistem perundangan dalam masyarakat Islam. Walaupun banyak merujuk kepada falsafah dan etika Yunani, karya ini tetap berlandaskan prinsip-prinsip hukum Islam.

Kesimpulan

Kitab *Ahl al-Madinah* karya Al-Farabi merupakan salah satu karya agung dalam sejarah falsafah Islam yang memberikan pandangan tentang konsep negara ideal atau "kota utama." Al-Farabi menggariskan ciri-ciri masyarakat madani yang harmoni, di mana keadilan, moral yang tinggi, dan ilmu pengetahuan memainkan peranan penting. Melalui karya ini, Al-Farabi menyentuh pelbagai aspek kehidupan politik, sosial, dan etika yang masih relevan hingga kini.

Keistimewaan kitab ini terletak pada perpaduan antara falsafah Yunani dan prinsip-prinsip Islam yang diintegrasikan untuk mencipta konsep peradaban unggul. Al-Farabi menekankan pentingnya pemimpin yang berpengetahuan luas dan memiliki akhlak mulia, yang mencerminkan keutamaan intelektual dan spiritual. Beliau membawa contoh Nabi Muhammad SAW sebagai pemimpin unggul yang perlu diteladani oleh setiap pemimpin. Selain itu, konsep kesejahteraan masyarakat yang berlandaskan nilai-nilai moral dan kebahagiaan rohani turut menjadi landasan utama dalam pembentukan masyarakat madani.

Sebagai warisan intelektual Islam, karya ini tidak hanya memberi pengaruh kepada pemikiran politik dan falsafah zaman silam, tetapi juga menjadi rujukan penting dalam perbincangan moden mengenai masyarakat madani dan kepimpinan yang berintegriti. Kitab ini terus dihargai sebagai sumber inspirasi dalam memahami peranan negara dalam membina masyarakat yang adil, beretika, dan berpendidikan tinggi.

Rujukan

- Al-Alusi, Hisyam al-Din. (1980). *Dirasat fi al-Fikr al-Islami*. Beirut: al-Mu'assasah al-'Arabiyyah li al-Dirasah wa al-Nasyr.
- Al-Bahi, Muhammad (1967). *Al-Janib al-Ilahi min al-Ta'fikir al-Islami*. Kaherah: Dar al-Katib al-'Arabi li al-Tiba'ah wa al-Nasyr.
- Al-Fakhuri, Hanna & al-Jar, Khalil. (1963). "al-Farabi" dalam *Tarikh al-Falsafah al-'Arabiyyah*. Fasal Kedua. Beirut: Mu'assasah li Badran wa Shurakahu.
- Al-Farabi, Abu al-Nasr Muhammad b. Muhammad. (1906). *Ara' al-Madinah al-Fadilah*. Misr: Matba'ah al-Sa'adah.
- Al-Farabi, Abu al-Nasr Muhammad b. Muhammad. (1996). *Ihsa' al-'Ulum*. Beirut: Dar wa Maktabah al-Hilal.
- Al-Kurdi, 'Abdul Hamid Rajih. (2013). <http://www.dahsha.com/old/viewarticle.php?id=28166>
- Al-Qifti, Jamaluddin Abi al-Hassan 'Ali b. Yusuf. (1963). "Al-Farabi" dalam *Kitab Akhbar al-'Ulama' Bi Akhbar al-Hukama'*, Julius Lippert (ed.). Leipzig: T.p.
- Amin, 'Uthman. (1945). *Syakhsiyyah wa Mazahib Falsafiyah*. Kaherah: Dar al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Fadzlullah Shuib. (1996). *Teori Ilmu al-Farabi*. Kuala Lumpur: Pustaka Warisan.
- Fakhry, Majid (2001). *A Short Introduction to Islamic Philosophy, Theology and Mysticism*. Terj. Zaimul Am. Bandung: Penerbit Mizan.
- Fakhry, Majid. (1993). *A History of Islamic Philosophy*. Terj. Dewan Bahasa dan Pustaka. Cet. 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gusti, Muslihuddin, Sa'adi, A., Hasan., Masyithah, Umar., Nuril, Khasyi'in. (2024). *Pemikiran Politik Al-Farabi*. doi: 10.62976/ierj.v2i2.577
- Hammond, Rev Robert. (1947). *The Philosophy of al-Farabi and Its Influence on Medieval Thought*. New York: The Hobson Book Press.
- Harapandi Dahri. (2016). Pengajaran Kitab Turats Melayu Di Brunei Darussalam. *AL-Fikra: Jurnal Ilmiah Keislaman*, 15(1), 151-176.
- Harapandi Dahri. (2020). Kitab Turath Sebagai Local Genuine to Humanizing Changes. *Borneo International Journal of Islamic Studies*, 2(2), 177-199.
- Hasyimsyah Nasution. (1999). *Filsafat Islam*. Jakarta: Gaya Media Pratama.
- Ibn al-Nadim, Muhammad ibn Ishaq. (1929). *Kitab al-Fihrist*. Jil. 2. Kaherah: T.p.
- Ibn Khallikan, Ahmad b. Muhammad b. Abi Bakr b. Khallikan. (1968). *Wafiyat al-A'ayan wa Anba' Abna' al-Zaman*. Beirut: Dar al-Sadir
- Ibn Sa'id al-Qurtubi, Sa'id b. Ahmad b. 'Abd al-Rahman. (1912). *Kitab al-Ta'rif bi Tabaqat al-Umam*. Beirut: T.p.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad b. 'Abdul Hamid (2004). *Majmu' Fatawa Syeikh al-Islam Ahmad Ibn Taymiyyah*. Saudi Arabia: Wizarah al-Syu'un al-Islamiyyah wa al-Awqaf wa al-Da'wah wa al-Irsyad.
- Jackson, Roy. (2006). *Fifty Key Figures in Islam*. London & New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Khalif Muammar A. Haris. (2012). Pandangan Islam Terhadap Tradisi dan Kemodenan. *Jurnal Hadhari*, 4(1), 23-48.
- Madkur, Ibrahim. (1963). "Al-Farabi" dalam *A History of Muslim Philosophy*. M.M. Sharif (ed.). Jil. 1. Germany: Wiesbaden Otto Harrasowits.
- Muhammad Nasron Yaacob. (2020). Serangan Ideologi Moden: Realiti Umat Islam Masa Kini. *Jurnal KIAS*, 12(1), 86 - 113.

- Najjar, Fauzi Mitri. (1958) "Al-Farabi on Political Science" in *The Muslim World*. Vol. 48. USA: Connecticut; 94-103.
- Nurzatil Ismah Azizan. (2023, 4-5 Oktober). Membangun Akhlak Masyarakat Madani Melalui Tafsir al-Quran: Analisis Terhadap Tafsir Surah al-Humazah oleh Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat. <https://oarep.usim.edu.my/server/api/core/bitstreams/3a1804a3-d02d-41a1-8b16-bce8d418687c/content>
- Osman Bakar. (1991). *Al-Farabi: Kehidupan, Hasil Karyanya dan Peri Penting Tokoh*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Osman Bakar. (1992). *Clasification of Knowledge of Islam*. Kuala Lumpur: Institute For Policy Research.
- Osman Bakar. (1997). Agama dan Budaya Teras Masyarakat Madani. *Jurnal Usuluddin*, 1-10.
- Rosenthal, E.I.J. (1968). *Al-Farabi: The Foundation. Dalam Politic Thought in Medieval Islam*. Cambridge: University Press.
- Shuhairimi Abdullah et al. (2023, 23-24 Ogos). Masyarakat Madani di Malaysia: Satu Penelitian. https://penerbit.unimap.edu.my/images/pdf/SUTERA2023/SUTERA_2023_239-249.pdf
- Suliah Mohd Aris, Fathiah Fathil & Shamsiah Sapri. (2023). Pembentukan Masyarakat Madani Berpandukan Kaedah Pendidikan Bersepadu Surah Luqman Ayat 12-19. *Jurnal 'Ulwan*, 8(3), 218-232.
- Suliah Mohd Aris, Fathiah Fathil, Shamsiah Sapri. (2023). Pembentukan Masyarakat Madani Berpandukan Kaedah Pendidikan Bersepadu Surah Luqman Ayat 12-19. *Jurnal ULWAN*, 8(3), 218-232.
- Syed Salim Syed Shamsuddin. (2018). Pemantapan Pelajar Aliran Syariah di Institusi Pengajian Tinggi Melalui Pengajian Kitab Turath Jawi: Tinjauan Terhadap Pelaksanaan Pengajian Talaqqi di Universiti Sains Islam Malaysia. *Sains Insani*, 3(1), 27-37.
- Wafi, 'Ali 'Abdul Wahid. (1973). *Al-Madinah al-Fadilah*. Beirut: Dar 'Alam al-Kutub li 'Uiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Wafi, Ali 'Abd al-Wahid. (t.t.). *al-Madinah al-Fadhilah li al-Farabi*. Kaherah: Nahdah Misr.
- Walzer, R. (1985). *Al-Farabi on the Perfect State, Abu Nasr al-Farabi's Mabadi' Ara' Ahl al-Madina al-Fadila*. Oxford: Clarendon Press.
- Walzer, R. (1962). *Greek Into Arabic, Essays on Islamic Philosophy*. London: Bruno Cassirer.
- Watt, W. M. (2003). *Islamic Philosophy and Theology*. Edinburgh: At The University Press.